**Bantuan Baik Pulih Rumah Daif Di Bandar
Majlis Daerah Tangkak Tahun 2021**

Sebanyak 8 unit rumah telah menerima Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar yang melibatkan kos sebanyak RM97,582.00, 5 daripadanya menggunakan baki akaun khusus PPKB. Bantuan Baik Pulih Rumah Daif ini di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Tahun 2021, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Jumlah Rumah Baikpulih (Unit)	Kos Terlibat (Rm)
5 Unit	RM 52, 580. 00
3 Unit	RM 45,000.00



YDP MDT Menyampaikan 'Mockup' Kepada Penerima Bantuan
Baik Pulih Rumah Daif Di Bandar Daerah Tangkak Tahun 2021

Pelancongan Majlis Daerah Tangkak

Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Daerah Tangkak Tahun 2021




Jan	Feb	Mac	Apr - Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
2,498 Orang	1,963 Orang	6,686 Orang	17,818 Orang	624 Orang	878 Orang	38,368 Orang	36,870 Orang	34,302 Orang	140,007 Orang


Nota :

- Sumber : Jumlah kedatangan pengunjung ke 9 buah hotel dan 10 buah Homestay sekitar Daerah Tangkak.
- Tiada rekod pelancong dari bulan Mei 2021 – Julai 2021 kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

**Graf Kedatangan Pelancong Ke Daerah Tangkak
Tahun 2021**




**Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Daerah Tangkak
Tahun 2019, 2020 & 2021**



Bulan	Jumlah Pelancong
2019	420,778
2020	147,834
2021	140,007
Jumlah	708,619

Kategori Produk Pelancongan Daerah Tangkak



Lawatan Produk Pelancongan Daerah Tangkak

Lawatan pelancongan ke produk-produk pelancongan Daerah Tangkak bagi mendapatkan maklumat berkaitan tempat, produk dan lain-lain maklumat bagi tujuan promosi.




Lawatan ke Perladangan Berkelompok di Sengkang Bt. 18 & 19

Program Pelancongan Daerah Tangkak Tahun 2021



**Sesi Rakaman Video Pelancongan “ MAJESTIC JOHOR “ Di Bawah
Agenda Tourism Johor Untuk Mempromosikan Gunung Ledang Dan
Kedai Kain Di Bandar Tangkak**



Yok Santai Di Dataran Kebudayaan, Dataran Ledang Tangkak

Program Pelancongan Daerah Tangkak

Pertandingan Keceriaan Bulan kemerdekaan 2021 Daerah Tangkak telah diadakan pada bulan September 2021. Sebanyak 7 Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) telah menyertai pertandingan keceriaan ini. Berikut adalah keputusan bagi kategori taman :-

Johan	: Bandar Baru Tangkak
Kedua	: Taman Berkat
ketiga	: Taman Tun Syed Nasir
Keempat	: Taman Megaria
Ke Lima	: Taman Tiara



**Pertandingan Keceriaan Bulan kemerdekaan 2021 Daerah
Tangkak pada bulan September 2021**

Program Pelancongan Daerah Tangkak



**Lawatan YAB Menteri Besar Johor Ke Tempat-tempat Produk
Pelancongan Daerah Tangkak Sempena Sesi Libat Urus YAB
Menteri Besar Johor Ke Daerah Tangkak |
07 November 2021**

Program Pelancongan Daerah Tangkak



Majlis Penyerahan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak, Johor oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Majlis Daerah Tangkak pada 16 Disember 2021

**Program Penyerahan Bantuan Dan Sumbangan Melalui
Yayasan Makmur Tangkak Tahun 2021**

Yayasan Makmur Tangkak telah mengadakan beberapa program antaranya agihan bantuan asas makanan, baucar dan sumbangan kepada mangsa yang terkesan dengan Pandemik Covid-19, mangsa banjir, perayaan, dan juga Program Berkhatan. Berikut adalah ringkasan program yang telah dijalankan:-

Bil	Penerima	Jumlah Penerima	Jumlah Bantuan (RM)
1	Majlis Pelancaran Yayasan Makmur Tangkak, 'Program Back To School' Dan Sumbangan Deepavali	100 Orang	RM 15,923.50
2	Program 'Smart Shopping'	50 Orang	RM 9,431.00
3	Program Khatan Perdana & Bantuan Back To School Kepada Persatuan Kereta Sewa Dan Teksi Tangkak	30 Orang 9 Orang	RM 13,623.60
4	Program Bantuan Banjir Di Hulu Langat, Selangor	100 Orang	RM 10,000.00
Jumlah			RM 48,978.10

Program Yayasan Makmur Tangkak



**Majlis Pelancaran Yayasan Makmur Tangkak, Program "Back To School"
Dan Sumbangan Perayaan Deepavali pada 12 November 2021**

Program Yayasan Makmur Tangkak



**Program 'Smart Shopping'
pada 05 Disember 2021**



**Program Khatan Perdana & Bantuan Back To School Kepada
Persatuan Kereta Sewa Dan Teksi Tangkak Pada 16 Disember 2021**

Program Yayasan Makmur Tangkak



**Program Bantuan Banjir Di Hulu Langat, Selangor
pada 26 Disember 2021**

**Program Southern Volunteers Daerah Tangkak
Tahun 2021**

Southern Volunteers telah menjalankan 52 buah program sepanjang tahun 2021 bermula pada bulan Mac sehingga Disember 2021. Berikut adalah ringkasan program yang telah dijalankan:-

Bil.	Penerima	Tarikh	Tempat	Perasmi	Pengilabatan Belia
1	Mesyuarat Southern Volunteers Bil 1 & Lantikan Jawatankuasa Southern Volunteers Daerah Tangkak	17.03.2021	Majlis Daerah Tangkak	Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak	10 Orang
2	Agihan Barang Keperluan Asas Makanan Daripada NGO Yang Disampaikan Oleh Majlis Daerah Tangkak	18 & 22 .03.2021	Daerah Tangkak	Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak	3 Orang
3	Gotong - Royong Sempena Hari Air Sedunia Peringkat Daerah Tangkak	27.03.2021	Pulau Penarik, Sg Mati, Tangkak	Pegawai Daerah	20 Orang
4	Program Bantuan Johor Berkebajikan Daerah Tangkak, Mukim Tangkak. Kaunter Pendaftaran Vaksinasi Dibuka Dengan Bantuan SV Tangkak	29.03.2021	Dewan Padang Lalang, Tangkak	Pegawai Daerah	4 Orang
5	Program Bantuan Johor Berkebajikan Daerah Tangkak, Mukim Gersik. Kaunter Pendaftaran Vaksinasi Dibuka Dengan Bantuan SV Tangkak	30.03.2021	Komplek Penghulu Mukim Gersik, Tangkak	Pegawai Daerah	4 Orang
6	Program Gerak Mesra (Jom Bersih) Dan Kempen Cegah Denggi Zon 5 Bandar Tangkak Dan Sempena 1 Hour Johor Clean Up Serta Operasi Backlane Bandar Tangkak Bersama Southern Volunteers, AJK Anulae Majlis Daerah Tangkak & Swcorp	11.04.2021	Pejabat Cawangan Majlis Daerah Tangkak	Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak	30 Orang
7	Promosi Keahlian Southern Volunteers Daerah Tangkak Sempena Program Jom Bekerjaya & Anda Dilindungi Anjuran Bersama Perkeso & Yayasan Ilmu Ledang	11hb April 2021	KKTM Ledang	Pegawai Daerah	10 Orang

BIL.	PENERIMA	TARIKH	TEMPAT	PERASMI	PENGILABATAN BELIA
8	Program Temashor Ramadhan Daerah Tangkak. Penyerahan bantuan kepada Asnaf daripada Southern Volunteers Daerah Tangkak Bersama Majlis Belia Daerah Tangkak	17hb April 2021	Sekitar Daerah Tangkak	Yang DiPertua Majlis Belia Daerah Tangkak	30 orang
9	Penyerahan Bantuan Asas Makanan kepada Mangsa Terjejas Pendapatan Akibat Pendamik Covid-19	21hb April 2021	Tangkak dan Serom	Wakil Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak	3 orang
10	Program "Grab Your Bubur" Peringkat PBT Majlis Daerah Tangkak Bersama Majlis Belia Daerah Tangkak Dan Juga Southern Volunteers Daerah Tangkak	25hb April 2021	Tapak Bazar Ramadhan Serom 3, Serom	Yang DiPertua Majlis Belia Daerah Tangkak	20 orang
11	Program Bantuan Johor Berkebajikan Daerah Tangkak, Mukim Serom. Kaunter Pendaftaran Vaksinasi Dibuka Dengan Bantuan SV TangkaK	26hb April 2021	Dewan Serbaguna Islam Taman Cempaka Serom 6	Pegawai Daerah	4 orang
12	Majlis Pelancaran T-Shirt Southern Volunteers Daerah Tangkak Yang Dilancarkan Oleh Encik Ezlan Farid Bin Mohd Said, Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak Merangkap Pengerusi Southern Volunteers Daerah Tangkak.	29hb April 2021	Majlis Daerah Tangkak	Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak	15 orang
13	Program Bantuan Johor Berkebajikan Daerah Tangkak, Mukim Bukit Serampang. Kaunter Pendaftaran Vaksinasi Dibuka Dengan Bantuan SV Tangkak	29hb April 2021	Dewan Serbaguna Kundang Ulu	Pegawai Daerah	4 orang
14	Menghantar peserta SV ke Program Bubur Lambuk Perdana 'Grab Your Bubur 2021'	01h Mei 2021	TMIYC, JB	Exco Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor	10 orang

Bil.	Penerima	Tarikh	Tempat	Perasmi	Pengilabatan Belia
15	Program Bubur Lambuk Peringkat Jabatan	02hb Mei 2021	MDT	Yang Dipertua MDT	10 orang
16	Agihan Face Mask kepada zon-zon Ahli – Ahli Majlis Sumbangan Yayasan Sultan Ibrahim	30hb Mei 2021	Daerah Tangkak	-	3 orang
17	Kempen Jom Daftar Vaksin Covid 19 Daerah Tangkak	Sepanjang masa	Daerah Tangkak	Yang DiPertua Majlis Belia Daerah Tangkak	10 orang
18	Sumbangan Kerusi Roda daripada DYAM Tunku Mahkota Johor di PPV Dewan Jubli Intan Tangkak	10hb Jun 2021	Dewan Jubli Intan Tangkak	Pegawai Daerah Tangkak	10 orang
19	Lawatan Exco Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor ke Program Pendaftaran Vaksin Negeri Johor dan ke PPV di Dewan Jubli Intan Tangkak	19hb Jun 2021	TF Value Mart Tangkak & Dewan Jubli Intan Tangkak	Exco Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor	50 orang
20	Program Pendaftaran Vaksin Negeri Johor di Daerah Tangkak	19hb Jun – 24hb Julai 2021	Daerah Tangkak	Exco Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor	50 orang
21	Program Gobok Rakyat Johor	11hb Julai – 03hb Ogos 2021	Daerah Tangkak	Pejabat Daerah Tangkak Kompleks Penghulu	50 orang
22	Menghantar beberapa orang SV untuk Bertugas di PPV Dewan Jubli Intan Tangkak & Dewan Muafakat Bukit Gambir	Sepanjang bulan Jun – Julai 2021	Daerah Tangkak	-	6 orang

Bil.	Penerima	Tarikh	Tempat	Perasmi	Pengilabatan Belia
23	Menghantar Beberapa Orang SV Untuk Bertugas Di PPV Outreach Daerah Tangkak	Sepanjang Bulan Jun – Julai 2021	Daerah Tangkak	-	6 Orang
24	Program Agihan Bakul Makanan Kepada Penduduk Kuarantin Akibat Covid-19	Sepanjang Bulan Jun – Julai 2021	Daerah Tangkak	-	3 Orang
25	Program Agihan Bakul Makanan Kepada Penduduk Kuarantin Akibat Covid-19	Sepanjang Bulan Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	3 Orang
26	Menghantar Beberapa Orang SV Untuk Bertugas Di PPV SMK Ledang & SMK Persisiran Perdana	Sepanjang Bulan Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	24 Orang
27	Program Pembersihan Rumah Mangsa Banjir Di Kampung Payamas	15 Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	10 Orang
28	Kempen Derma Darah Di Stadium Yoon Kong Bukit Gambir	15 Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	4 Orang
29	Program Agihan Bakul Makanan Kepada Staf MDT Kuarantin Akibat Covid-19	18 Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	5 Orang
30	Menguruskan Peralatan Vaksin Di PPV SMK Persisiran Perdana	18 Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	6 Orang
31	Program Agihan Bakul Makanan Kepada Staf MDT Kuarantin Akibat Covid-19	25 Ogos 2021	Daerah Tangkak	-	5 Orang

Bil.	Penerima	Tarikh	Tempat	Perasmi	Pengilabatan Belia
32	Program Pangagihan Bantuan Wang Tunai Kepada Peserta EKASIH Di Bawah Pakeh Ransangan Ekonomi (PRE)	6-8 September 2021	Pejabat Daerah Tangkak & Kompleks Penghulu	-	10 Orang
33	Kempen Derma Darah Anjuran JKP Zon 17 Dan HPSF Muar	12 September 2021	Stadium Foong Yong Kong, Bukit Gambir	-	5 Orang
34	Program Agihan Bakul Makanan Di Bawah Pakej Ransangan Ekonomi (PRE)	14-24 September 2021	Daerah Tangkak		6 Orang
35	Program Agihan Bakul Makanan Anjuran JOYDEC, Kelab Rakan Muda Dan Southern Volunteers	29 September 2021	Majlis Daerah Tangkak	-	6 Orang
36	Pelancaran Program Gobok Rezeki Tangkak, MDT	29 September 2021	Majlis Daerah Tangkak	-	7 Orang
37	Program Myfit @ Home Anjuran Pejabat Belia Dan Sukan Tangkak Serta Kerjasama Kelab Rakan Muda, MDT Dan Kelab Silat Olahraga Ledang	8-10 Oktober 2021	Facebook Live	-	20 Orang
38	Kayuhan Santai Sempena Hari Sukan Negara Peringkat Dun Gambir Negara & Program Menandatangani Plak Mural Dan Walkabout Peringkat Dun Gambir	22 Oktober 2021	Dewan Serbaguna Bukit Gambir & FAMA Bukit Gambir	-	30 Orang
39	Program Gobok Rezeki Majlis Daerah Tangkak	Setiap Isnin, Rabu Dan Khamis Bulan Oktober 2021	Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak	-	5 Orang
40	Lawatan Menteri Besar Johor Bersama Kepimpinan Daerah Tangkak Sempena Belanjawan 2022	7 November 2021	Tangkak Tourism Information Center	-	20 Orang

Bil.	Penerima	Tarikh	Tempat	Perasmi	Pengilabatan Belia
41	Majlis Pelancaran Yayasan Makmur Tangkak, Program "Back to School" dan sumbangan perayaan Deepavali.	12 November 2021	TF Value Mart Tangkak	-	10 Orang
42	Festival Orang Muda Johor (OMJ)	20 November 2021	Dataran Ledang, Tangkak	-	100 Orang
43	Live Streaming Piala Malaysia (JDT VS Kuala Lumpur City)	30 November 2021	Dataran Ledang, Tangkak	-	10 Orang
44	Program "Smart Shopping" anjuran Yayasan Makmur Tangkak	5 Disember 2021	Pasar Tani Kekal FAMA, Bukit Gambir	YB Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri Pengerusi Yayasan Makmur Tangkak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengakutan dan Infrastruktur Negeri Johor	10 Orang
45	Taklimat pengenalan kepada pengurusan Covid-19 di negeri Johor untuk sukarelawan Southern Volunteers.	7 Disember 2021	Dewan Serbaguna MBIP Skudai	YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor	5 Orang
46	Program Gotong-Royong bersama Ketua-ketua Jabatan/Unit	8 Disember 2021	Taman Awam Tepian Sungai Muar		20 Orang

**Program Southern Volunteers Daerah Tangkak
Tahun 2021**



**Menghantar peserta SV ke Program Bubur Lambuk Perdana 'Grab
Your Bubur 2021' Di TMIYC
Pada 01hb Mei 2021**



**Lawatan YB EXCO Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor ke
Program Pendaftaran Vaksin Negeri Johor & PPV Dewan Jubli Intan
Tangkak Pada 19 Jun 2021**



**Program Pendaftaran Vaksin Negeri Johor Peringkat Daerah
Tangkak
Pada 19 Jun – 24 Julai 2021**



**Southern Volunteers Bertugas Di PPV Dewan Jubli Intan Tangkak &
PPV Dewan Muafakat Bukit Gambir
Pada Jun – Julai 2021**



**Misi Bantuan Banjir Southern Volunteers Majlis Daerah Tangkak Ke
Hulu Langat, Selangor
Pada 23 Disember – 27 Disember 2021**



**Misi Pasca Banjir Majlis Belia Negeri Johor ke Mentakab, Pahang
Pada 30 Disember – 31 Disember 2021**


Unit

Pusat Setempat (OSC)

Majlis Daerah Tangkak

LAPORAN TAHUNAN MAJLIS DAERAH TANGKAK 2021

Carta Organisasi Unit Pusat Setempat (OSC)



Pengenalan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya menubuhkan Pusat Setempat di PBT. Penubuhan Unit Pusat Setempat di Negeri Johor telah dilaksanakan secara serentak pada 7 Jun 2007. Pusat Setempat diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan penambahbaikan sistem penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan komprehensif demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta meransang pertumbuhan ekonomi Negara.

Unit Pusat Setempat (OSC) di Majlis Daerah Tangkak telah ditubuhkan hampir 14 tahun sejak tahun 2007 dan unit ini ditadbir oleh seorang Ketua Unit OSC dengan 3 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Penolong Jurutera dan dua orang Pembantu Tadbir. Bagi Tahun 2021, Unit OSC Majlis Daerah Tangkak telah menerima dan memproses sebanyak 244 permohonan di mana jumlah yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 209 permohonan (85.66%).

Matlamat

Matlamat utama Unit Pusat Setempat (OSC) ditubuhkan adalah untuk memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan

Fungsi Urusetia Pusat Setempat (OSC)

Menerima dan menyemak permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang dan pelan bangunan dengan merujuk senarai semak pemohon

Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau syarat-syarat yang ditetapkan

Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk memproses dan jabatan/agensi teknikal yang berkenaan untuk ulasan dan pandangan

Memantau permohonan-permohonan yang telah diedar kepada jabatan/agensi teknikal

Memaklumkan kepada Jawatankuasa Pusat Setempat mengenai permohonan yang diterima

Mendapatkan maklumbalas lanjut daripada agensi teknikal sekiranya terdapat apa-apa isu dan masalah

Menyelaras dan mengedarkan kertas kerja cadangan pemajuan beserta pelan pra-perhitungan untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa Pusat Setempat

Mengedarkan keputusan Jawatankuasa Pusat Setempat terhadap kelulusan cadangan pemajuan kepada Pentadbir Tanah

Bertindak sebagai Urusetia mesyuarat yang menetapkan tarikh, memastikan mesyuarat diadakan 2 kali sebulan dan menyediakan minit mesyuarat serta maklumbalas untuk edaran

Mengumpul kertas perakuan untuk diangkat ke mesyuarat Penuh Pihak Berkuasa Tempatan dan

Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohon

Mengemaskini status permohonan di dalam portal OSC

Objektif Unit Pusat Setempat (OSC)

- Menyelaras dan memudahcara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah
- Memendekkan norma masa dan mempercepatkan proses permohonan pembangunan tanah
- Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan pembangunan tanah

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) 2021

Pada tahun 2021, Urusetia Pusat Setempat telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat sebanyak 19 kali. Berikut merupakan tarikh-tarikh mesyuarat yang telah bersidang pada tahun 2021 :

Bil. Penyata	Tarikh Mesyuarat	Bil. Penyata	Tarikh Mesyuarat
1/2021	09.02.2021	11/2021	24.08.2021
2/2021	28.02.2021	12/2021	14.09.2021
3/2021	17.03.2021	13/2021	27.09.2021
4/2021	28.03.2021	14/2021	11.10.2021
5/2021	15.04.2021	15/2021	27.10.2021
6/2021	21.04.2021	16/2021	10.11.2021
7/2021	06.05.2021	17/2021	29.11.2021
8/2021	25.05.2021	18/2021	13.12.2021
9/2021	05.07.2021	19/2021	22.12.2021
10/2021	04.08.2021		

Penyata Permohonan Yang Diterima Dan Diproses Oleh Pusat Setempat (OSC) Pada Tahun 2021

Penyata Bilangan Permohonan Dan Selesai Mengikut Jenis Permohonan Dan Tempoh Piagam Melalui Unit OSC, Majlis Daerah Tangkak dari bulan Januari hingga Disember 2021:

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai (a) = b+c+d	Selesai Dalam Piagam (b)	Selesai Melebihi Piagam (c)	Tempoh Tidak Dapat Ditetapkan (d)
Permohonan serentak	48	2 (4.17%)	46 (95.83%)	46 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	95	20 (21.05%)	75 (78.95%)	75 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Pelan kejuruteraan	12	1 (8.33%)	11 (91.67%)	11 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Pelan Bangunan	89	12 (13.48%)	77 (86.52%)	77 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	244	35 (14.34%)	209 (85.66%)	209 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)

Berikut adalah merupakan Laporan Kedudukan Proses Permohonan Kelulusan Sijil Pematuhan Dan Penyiapan (CCC) Melalui Unit Pusat Setempat, Majlis Daerah Tangkak Januari - Disember 2021 :

Bulan	Permohonan Diterima (Borang B)	Borang (G1-G3)	Bil. Penerimaan Laporan Ketidakpatuhan	Borang (G4-G21)	Borang F/CCC
Januari	1	-	-	-	3
Februari	1	-	-	-	1
Mac	5	-	-	-	3
April	7	-	-	-	4
Mei	4	-	-	-	2
Jun	-	-	-	-	-
Julai	-	-	-	-	-
Ogos	1	-	-	-	4
September	2	-	-	-	2
Oktober	9	-	-	-	1
November	8	-	-	-	2
Disember	8	-	-	-	-
Jumlah	46	-	-	-	22




Aktiviti Lawatan Tapak Bagi Pengeluaran CCC Tahun 2021



Pelaksanaan Osc 3.0 Plus Online Di Peringkat Majlis Daerah Tangkak

Pertukaran Sistem Daripada OSC Online Kepada OSC 3.0 Plus Online



Bermula **01 Disember 2020**, pihak Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Tangkak telah menggunakan sepenuhnya sistem OSC 3.0 Plus Online bagi memproses semua jenis permohonan cadangan pemajuan di Daerah Tangkak. Melalui OSC 3.0 Plus Online ini beberapa penambahbaikan telah dibuat meliputi *track history* permohonan, pembayaran secara atas talian, pengemukaan proses CCC hingga peringkat akhir, kawalan penerimaan ulasan oleh jabatan teknikal, kecekapan proses kelulusan bagi satu-satu permohonan hingga ke peringkat pengesahan pelan dan lain-lain lagi.

Manual OSC 3.0 Plus merupakan dokumen rujukan utama bagi semua *stakeholders* yang terlibat dalam proses pemajuan dan industri pembinaan. Isi kandungannya mengandungi penerangan secara terperinci mengenai tatacara dan proses pengemukaan pelan cadangan pemajuan. Selain daripada itu, dokumen tersebut juga merangkumi fungsi, objektif, prosedur serta peranan pihak bertanggungjawab bagi semua peringkat sehingga bangunan siap didirikan dan diikuti dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance, CCC*) dikeluarkan.

Majlis Daerah Tangkak telah disenaraikan di dalam Fasa 3 penggunapakaian sistem ini bersama-sama 6 PBT lain di Negeri Johor ini iaitu Majlis Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Labis, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Daerah Mersing dan Majlis Daerah Pontian. Pautan bagi Sistem OSC 3.0 Plus Online MDT boleh dicapai melalui url seperti berikut <https://osc3plus.kpkt.gov.my>

Manual OSC 3.0 Plus ini disediakan bagi memastikan keseragaman dan ketelusan kepada proses pengemukaan pelan pemajuan, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memudahcara pekhidmatan yang disampaikan kepada rakyat. Penentuan prosedur dan tatacara yang jelas akan membolehkan semua pihak memainkan peranan, menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih teratur serta berkesan. Secara tidak langsung, ini akan membawa kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti di dalam sektor pembinaan dan pembangunan di Malaysia


Manual OSC 3.0 Plus



Objektif Penyediaan Manual OSC 3.0 Plus

Menyediakan dokumen manual prosedur dan proses pemajuan yang lengkap dan terperinci bagi rujukan 'stakeholders' dan pihak berkepentingan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, agensi/ jabatan teknikal, pemaju, perunding profesional dan orang awam;

Mengukuhkan peranan dan tanggungjawab OSC sebagai urus setia induk kepada Jawatankuasa OSC bagi mencapai keseragaman yang sewajarnya;



Menggariskan skop, peranan dan tanggungjawab pihak pemohon (pemilik tanah, pemaju dan perunding profesional) dalam proses pemajuan bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme;


Menetapkan tempoh masa (kelulusan/ ulasan/ sokongan) yang munasabah bagi setiap peringkat proses pemajuan sebagai sasaran (KPI) untuk mengukuhkan sistem penyampaian pihak berkuasa;

Menggariskan prosedur memproses, memantau dan memeriksa tapak projek pembangunan oleh PBT dan agensi/ jabatan teknikal sehingga bangunan layak dihuni;


Memastikan keberkesanan proses pemantauan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan ke atas tapak projek pembangunan;

Mengurangkan bebanan kerja, karehna birokrasi dan memastikan tadbir urus yang telus melalui pembangunan Sistem OSC 3.0 Plus Online.

Proses Utama OSC 3.0 Plus



Carta Alir Kerja Unit Pusat Setempat (OSC)



Unit

Perhubungan Awam Dan Korporat

Majlis Daerah Tangkak

**LAPORAN TAHUNAN
MAJLIS DAERAH TANGKAK
2021**

Carta Organisasi Unit Perhubungan Awam Dan Korporat

Penolong Pegawai Tadbir
Gred N29
Siti Hawa binti Md Zin
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N19
Norfarahana binti Ab Hamid
Pembantu Tadbir (P/O) (K)
Gred N19
Zareha binti Zenal

Fungsi

Menyelaras dan menguruskan semua aktiviti dan program berkaitan perhubungan awam, publisiti jabatan dan perhubungan media secara sistematik dan teratur serta bertanggungjawab mengawalselia aduan awam disamping menguruskan sistem pengurusan kualiti dan menganalisis kepuasan pelanggan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan Majlis Daerah Tangkak

Tanggungjawab

Mengawalselia aduan awam berpandukan carta aliran Tatacara Pengurusan Aduan dengan sistematik
Menyelaras perkhidmatan telefon berkualiti
Menyelaras proram-program rasmi mengikut perancangan jabatan
Menyediakan aktiviti pengukuhan media secara sistematik
Menjalankan kajian kepuasan pelanggan untuk mendapatkan maklumbalas mengenai mutu perkhidmatan Majlis Daerah Tangkak
Menguruskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti bagi meningkatkan imej dan prestasi jabatan ✓ Pelaksanaan Pembangunan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ✓ Pembangunan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) ✓ Pembangunan Sistem Kualiti MS ISO 9001:2015
Menganalisa Piagam Pelanggan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan jabatan
Pengurusan penerbitan ✓ Laporan tahunan jabatan ✓ Buletin jabatan

Aduan Awam

Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2021, Unit Perhubungan Awam telah menerima dan menguruskan aduan-aduan awam untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Unit di Majlis Daerah Tangkak

Bil.	Jabatan	Jumlah Aduan	Peratus (%)
1	Jabatan Kejuruteraan	360	32.14
2	Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Awam	349	31.16
3	Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap	255	22.77
4	Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan	151	13.48
5	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	4	0.36
6	Jabatan Khidmat Pengurusan	1	0.09
Jumlah Keseluruhan		1,120	100

Berikut prestasi aduan sepanjang tahun 2021

Bil.	Bulan	Aduan Selesai	Aduan Dalam Tindakan	Jumlah Aduan
1	Januari	111	2	113
2	Februari	113	2	115
3	Mac	99	6	105
4	April	94	4	98
5	Mei	56	1	57
6	Jun	80	3	83
7	Julai	68	7	75
8	Ogos	44	6	50
9	September	102	6	108
10	Oktober	90	13	103
11	November	106	14	120
12	Disember	83	10	92
Jumlah Keseluruhan		1,046 (93.39%)	74 (6.61%)	1,120

Statistik aduan yang diterima sepanjang tahun 2021 mengikut kategori

Bil.	Kategori	Jumlah aduan
1	Bil Cukai Taksiran	1
2	Bencana Alam	1
3	Iklan	1
4	Pondok/Stesen Bas/Teksi	1
5	Lesen Perniagaan	1
6	Kebersihan Permis Makanan	2
7	Perumahan	4
8	Projek/Tapak Binaan	5
9	Bangunan	10
10	Penguatkuasaan	12
11	Penjaja	13
12	Pencemaran	17

Bil.	Kategori	Jumlah aduan
11	Kejiranan	23
12	Halangan Awam	25
13	Taman Permainan / Taman Riadah / Taman Tasik / Dataran	32
14	Tempat Letak Kenderaan / Parkir	38
15	Lampu	93
16	Haiwan / Serangga	96
17	Jalan	145
18	Longkang/Parit/Monsoon Drain	147
19	Pokok	213
20	Pembersihan Awam	220
21	Tadbir Urus	1
Jumlah Keseluruhan		1,120

Statistik penerimaan aduan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020

Tahun	Jumlah Aduan
2018	868
2019	962
2020	1,120



Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 1,120 aduan. Sebanyak 1,046 aduan telah berjaya diselesaikan dan 74 aduan dalam tindakan. 74 aduan yang masih dalam tindakan adalah melibatkan peruntukan, jadual berkala dan notis diproses pada tahun 2022. Setiap aduan yang diterima dipanjangkan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan untuk siasatan dan tindakan.

Berdasarkan statistik terbaru dapat dilihat peningkatan aduan setiap tahun bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. Kajian menunjukkan peningkatan aduan adalah disebabkan peluasan kawasan seliaan Majlis Daerah Tangkak. Selain itu, Majlis Daerah Tangkak mewujudkan berbagai medium penerimaan aduan seperti *whatsapp*, telefon, Sistem Pengurusan Aduan Awam Bersepadu (SISPAA), Sistem Pengurusan Aduan Awam i-Tegur dan lain-lain medium seperti surat, memo, *email*, borang dan faks. Melalui program Gerak Mesra yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, turut merekodkan aduan awam daripada penduduk setempat. Unit Perhubungan Awam Dan Korporat berusaha mengambil tindakan dan penyelesaian yang lebih berkesan dalam menangani aduan terutamanya aduan yang memerlukan tindakan segera dan melaporkan dalam Mesyuarat Eksekutif, Majlis Daerah Tangkak dan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Daerah Tangkak.

Laporan Analisa Data Maklumbalas Soal Selidik Kepuasan Pelanggan

Laporan maklumbalas Soal Selidik Kepuasan Pelanggan Majlis Daerah Tangkak Tahun 2021

Bil	Bulan	Jumlah Borang Maklumbalas	Pecahan Soalan Maklumbalas		Jumlah Pecahan Maklumbalas
			Ya	Tidak	
1	Januari	100 borang	2,587	113	2,700
2	Februari	100 borang	2,585	115	2,700
3	Mac	100 borang	2,595	105	2,700
4	April	100 borang	2,602	98	2,700
5	Mei	100 borang	2,643	57	2,700
6.	Jun	100 borang	2,617	83	2,700
7.	Julai	100 borang	2,625	75	2,700
8.	Ogos	100 borang	2,650	50	2,700
9.	September	100 borang	2,592	108	2,700
10.	Oktober	100 borang	2,602	98	2,700
11.	November	100 borang	2,580	120	2,700
12.	Disember	100 borang	2,607	93	2,700
Jumlah 1,200 borang			31,285	1,115	32,400
Peratus (%)			96.56%	3.44%	100%

Berikut komponen yang diedarkan kepada pelanggan

Komponen	Soalan
Peniaga	
Kemudahan dan perkhidmatan untuk peniaga	12 soalan
Kemudahan-kemudahan sosial	7 soalan
Khidmat pengurusan pelanggan di PBT	8 soalan
Penduduk/NGO	
Kebersihan persekitaran dan kesihatan	6 soalan
Pengurusan lalulintas dan tempat letak kereta	6 soalan
Kemudahan-kemudahan sosial	7 soalan
Khidmat pengurusan pelanggan di PBT	8 soalan

Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Majlis Daerah Tangkak Tahun 2020

Bil	Program/Aktiviti	Kualiti/ Kuantiti/ Masa	Menepati/Melebihi Tempoh Masa		Jumlah Perkhidmatan /Permohonan
			Menepati	Tidak Menepati	
1	Pengurusan Aduan				
Memastikan maklumbalas pertanyaan dan aduan pelanggan cepat, tepat dan mesra dengan menepati tempoh berikut:					
	Maklumbalas awal aduan	3 hari bekerja	100%	-	1,120
	Aduan kategori kecemasan/bencana	24 jam	-	-	-
Memastikan tindakan ke atas aduan seperti berikut:					
	Aduan-aduan melibatkan pepejal	24 jam	-	-	-
	Aduan-aduan infrastruktur yang tidak melibatkan kos/siasatan segera	15 hari	100%	-	271
2	Kawalan Pembangunan				
Keputusan bagi permohonan pelan-pelan pembangunan dikeluarkan dalam tempoh seperti berikut:					
	Pelan Bangunan (PB)	69 hari	100%	100%	90
	Permohonan Serentak	111 hari	100%	100%	47
	Kebenaran Merancang	57 hari	100%	100%	96
	Pelan Kejuruteraan	57 hari	100%	100%	12
3	Kawalan Perniagaan				
Tempoh keputusan permohonan permit/lesen perniagaan seperti berikut :					
	Lesen Iklan/Permit Sepanduk	Serta-merta	100%	-	110
	Lesen Penjaja Bergerak	Serta-merta	100%	-	104
	Lesen Perniagaan	Serta-merta	100%	-	16
	Lesen Berisiko	Serta-merta	100%	-	227
4	Pengurusan Cukai Dan Taksiran				
	Bantahan ke atas taksiran cukai harta	14 hari	-	-	-
	Proses pindahmilik daripada Pemaju	6 bulan/dalam bil seterusnya	100%	-	802
	Kertas Kerja Penilaian	1 minggu	100%	-	923
	Cetakan bil cukai/notis/waran	1 minggu	100%	-	508,740

Bil	Program/Aktiviti	Kualiti/ Kuantiti/ Masa	Menepati/Melebihi Tempoh Masa		Jumlah Perkhidmatan /Permohonan
			Menepati	Tidak Menepati	
5	Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Kawasan				
Perkhidmatan kutipan sampah bagi:					
	Kawasan perumahan	3 kali/seminggu	100%	-	144
	Kawasan pusat bandar	Setiap hari	100%	-	360
	Kawasan perniagaan dan pasar	Setiap hari	100%	-	360
	Kawasan sampah pukal/longgok	Setiap hari	100%	-	230
	Kawasan industri	3 kali/seminggu	100%	-	-
Pembersihan longgok:					
	Kawasan perumahan	2 kali/sebulan	100%	-	12
6	Program Belia Dan Kemasyarakatan				
	Melaksanakan program sukan dan kemasyarakatan 20 kali setahun	24 program setahun	100%	-	175
7	Penyewaan Kemudahan Awam				
	Kelulusan selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh terimaan status permohonan	Selewat-lewatnya 7 hari	100%	-	19
8	Permohonan Projek Perumahan/Pembangunan Kilang Dan Pengeluaran Sijil Menduduki (CCC)				
Meluluskan projek perumahan/pembangunan kilang seperti berikut :					
	Tambahan kepada rumah dalam projek (dgn syarat disertakan dengan dokumen yang lengkap dan tertakluk kepada sokongan lain-lain jabatan)	¾ minggu	100%	-	5
Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) untuk :					
	Rumah Individu (tertakluk kepada mematuhi syarat-syarat kelulusan pelan)	2 minggu	100%	-	2
	Projek perumahan, kilang dan bangunan bertingkat (tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan pelan dan sokongan jabatan)	3 minggu	100%	-	7

Bil	Program/Aktiviti	Kualiti/ Kuantiti/ Masa	Menepati/Melebihi Tempoh Masa		Jumlah Perkhidmatan /Permohonan
			Menepati	Tidak Menepati	
9	Permohonan Perancangan Bandar Dan Landskap				
	Ulasan Kebenaran Merancang	14 hari	100%	-	104
	Ulasan Tukar Syarat	30 hari	100%	-	22
	Ulasan Pecah Bahagian	30 hari	100%	-	46
10	Perkhidmatan Bayaran				
Perkhidmatan kaunter bayaran di ibu pejabat					
	Bagi bil secara tunai (apabila sampai ke kerani penerima wang)	3 minit	100%	-	89,331
Perkhidmatan kaunter bayaran di cawangan					
	Dijamin akan diberi layanan mesra, cekap dan memuaskan	Setiap hari	100%	-	Setiap hari
Pembayaran kepada pembekal					
	Pembayaran kepada pembekal akan di bayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh diterima (sekiranya mematuhi segala prosedur meluluskan pembayaran)	14 hari	99%	1%	2,889

Unit

Undang-Undang

Majlis Daerah Tangkak

LAPORAN TAHUNAN MAJLIS DAERAH TANGKAK 2021

Carta Organisasi Unit Undang-Undang

Penolong Pegawai Undang-Undang

Gred L29

Erni Juliana binti Mohammad

Pembantu Tadbir Undang-Undang

Gred L19

Mohd Azahar bin Abu Bakar

Penghantar Notis

Gred N3(KUP)

Ahmad bin Omar

Pengenalan

Sebelum ini Unit Undang-Undang, Majlis Daerah Tangkak adalah terdiri daripada Bahagian Undang-Undang dan Penguatkuasaan. Setelah penstrukturan semula penjawatan pada tahun 2010 dan peluasan kawasan pentadbiran pada tahun 2009 sempena Ledang dinaiktaraf menjadi Daerah penuh dalam Negeri Johor, unit ini telah dipisahkan menjadi Unit Undang-Undang yang diketuai oleh Penolong Pegawai Undang-Undang dan diletakkan di bawah Yang Dipertua di dalam carta organisasi Majlis Daerah Tangkak.

Fungsi
Memberi khidmat nasihat perundangan dan menjalankan pendakwaan di mahkamah
Menyedia, menyemak dan mendraf perjanjian
Menggubal dan meminda Undang-Undang Kecil, peraturan, perintah dan kaedah
Menasihati dan membantu pentadbiran Yang Dipertua dari aspek penguatkuasaan perundangan Pihak Berkuasa Tempatan

Objektif

Melaksanakan undang-undang dengan lebih cekap, tegas dan berhemah supaya dapat diketahui, difahami dan dihargai oleh masyarakat serta menanam sikap menghormati dan mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang Majlis Daerah Tangkak

Laporan

Unit Undang-Undang Majlis Daerah Tangkak bertanggungjawab menguruskan penyediaan perjanjian sewaan, semakan perjanjian dan penyediaan dokumen pendakwaan.

Untuk perjanjian sewaan yang diuruskan adalah melibatkan pihak Majlis Daerah Tangkak dan pihak penyewa. Untuk perjanjian sewaan baru bagi tahun 2021 adalah sebanyak 8 perjanjian sewaan manakala untuk sambung perjanjian sewaan adalah sebanyak 2 perjanjian, manakala semakan perjanjian melibatkan perjanjian dari pihak lain.

Bagi penyediaan dokumen pendakwaan, sebanyak 1 pendakwaan telah dibuat sepanjang tahun 2021 dan masih dalam proses perbicaraan. Untuk bantuan penyampaian notis dan surat pada tahun 2021, sebanyak 60 notis dan surat yang telah disampaikan kepada individu yang berkenaan.

Laporan Penyediaan Perjanjian Sewaan Gerai Dan Pendakwaan

Laporan Penyediaan Perjanjian Sewaan Gerai MDT 2021	Perjanjian Baru	8
	Sambung Perjanjian	2
Laporan Penyediaan Pendakwaan MDT 2021	Bilangan Fail	1
	Orang Yang Kene Saman	1
	Status	Proses Bicara

Unit

Audit Dalam

Majlis Daerah Tangkak

**LAPORAN TAHUNAN
MAJLIS DAERAH TANGKAK
2021**

Carta Organisasi Unit Audit Dalam

Penolong Pegawai Tadbir	
Gred N29	
Nurul Shuadah binti Ibrahim	
Pembantu Juruaudit	
Gred N19	
Norhazizah binti Nordin	

Pengenalan

- Unit Audit Dalam(UAD) telah ditubuhkan pada tahun 2011 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004
- UAD bertanggungjawab terus kepada Yang Dipertua. Kedudukan ini menjadikan UAD adalah penting untuk membantu pihak pengurusan dalam menilai segala program serta aktiviti Majlis Daerah Tangkak dilaksanakan mengikut dasar, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan dan diuruskan secara cekap dan teratur
- Peranan dan tanggungjawab UAD semakin meluas apabila Majlis Daerah Tangkak meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit pada Tahun 2012 yang bertanggungjawab menilai dan membincangkan laporan audit, tindakan susulan dan usaha penambahbaikan oleh jabatan/bahagian yang diaudit
- Selain itu, UAD berperanan sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa MS ISO 9001:2015 dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Fungsi

Membantu pihak pengurusan untuk mempertingkatkan akuntabiliti dan tadbir urus dalam pengurusan kewangan selaras dengan dasar, undang-undang dan peraturan yang diterima pakai oleh Majlis Daerah Tangkak

Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta wujudnya kawalan dalaman Majlis Daerah Tangkak

Menilai tahap pematuhan semua jabatan terhadap dasar, prosedur, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan

Menyediakan laporan Audit yang bebas, adil, tepat dan berkualiti kepada Yang Dipertua dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan

Memberi cadangan dan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak

Objektif

- Unit Audit Dalam(UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk membantu menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi agar Misi, Visi dan Objektif Majlis Daerah Tangkak dapat dicapai. Objektif UAD ialah seperti berikut:
 - ✓ Menilai, memeriksa, mengesahkan dan melaporkan tahap kepatuhan pengurusan kewangan dan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak ke atas Undang-undang, Pekeliling, Peraturan dan Polisi yang telah ditetapkan dari masa ke semasa oleh pihak yang berkuasa dan pihak pengurusan tertinggi Majlis Daerah Tangkak
 - ✓ Menilai, memeriksa dan melaporkan tahap kawalan dalaman yang telah diambil serta dipraktikkan bagi menjaga dan memelihara keselamatan pungutan wang/stor awam dan harta-harta Majlis Daerah Tangkak
 - ✓ Menilai dan memeriksa tahap kecekapan prestasi pengurusan sesuatu aktiviti, program atau projek Majlis Daerah Tangkak yang sedang atau telah dilaksanakan
 - ✓ Mengemukakan cadangan dan syor penambahbaikan bagi meningkatkan mutu kualiti pengurusan kewangan dan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak selaras dengan laporan audit hasil daripada penilaian, kajian, pemeriksaan dan pemerhatian yang telah dijalankan.

Aktiviti Pengauditan Tahun 2021


Bil	Aktiviti Pengauditan	Bil. Laporan
1	Pemeriksaan Mengejut	2
2	Pengauditan Terhadap Aset Alih Majlis Daerah Tangkak	2
3	Pengauditan Terhadap Stor Majlis Daerah Tangkak	2
4	Pengauditan Susulan	5

Senarai Aktiviti Pengauditan Tahun 2021

Bil	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Jenis Aktiviti
1	Pemeriksaan mengejut ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci, mesin <i>franking</i> dan barang-barang lain yang berharga Bil 1/2021	Pemeriksaan Mengejut
2	Pemeriksaan mengejut ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci, mesin <i>franking</i> dan barang-barang lain yang berharga Bil 2/2021	Pemeriksaan Mengejut
3	Pemeriksaan terhadap aset alih Jabatan Pembangunan Masyarakat	Pengauditan aset
4	Pemeriksaan terhadap aset alih Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam	Pengauditan aset
5	Pemeriksaan terhadap stor alat tulis Majlis Daerah Tangkak	Pengauditan Stor
6	Pemeriksaan terhadap stor Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam	Pengauditan Stor
7	Tindakan susulan pemeriksaan mengejut Bil 2/2021	Pengauditan Susulan
8	Tindakan susulan penemuan pengauditan stor alat tulis Majlis Daerah Tangkak	Pengauditan Susulan
9	Tindakan susulan penemuan pengauditan stor Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam	Pengauditan Susulan
10	Tindakan susulan pengauditan aset Jabatan Pembangunan Masyarakat	Pengauditan Susulan
11	Tindakan susulan pengauditan aset Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam	Pengauditan Susulan



**Gambar Aktiviti
Pelaksanaan Pengauditan Di Majlis Daerah Tangkak**





PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : +606 9781 261
Faks : +606 9782 670
Email : mdtgk@johor.gov.my
Portal rasmi : www.mdtangkak.gov.my
Whatsapp : 019-336 1020 (Aduan)